

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8275

SOALAN:

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah benar ada berlakunya penculikan kanak-kanak melibatkan sindiket penjualan organ sepertimana yang sering menjadi '*viral*' dalam media sosial dan sekiranya ada, berapakah kes yang direkodkan dan sejauh mana tindakan Kementerian dalam menjelaskan perkara tersebut memandangkan ia semakin menjadi kebimbangan masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dakwaan kononnya terdapat kanak-kanak yang diculik dan organ mereka diambil untuk dijual di dalam negara atau di luar negara seperti yang tersebar luas di laman sosial khususnya di *Facebook* dan *Whatsapp* sejak akhir-akhir ini merupakan khabar angin semata-mata yang bertujuan untuk menakutkan orang ramai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) menasihatkan orang ramai agar tidak mudah mempercayai maklumat tersebut kerana sehingga kini pihak polis tidak menerima sebarang aduan daripada mana-mana pihak dan risikan yang dijalankan juga mengesahkan tiada maklumat diperolehi sama ada di dalam atau di luar negara berkaitan sindiket penjualan atau pembelian organ oleh mana-mana pihak dari Negara ini.